

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 21 MAC 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
CAPAIAN : <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2023/03/1080077/ekuinas-labur-rm100-juta-dalam-syarikat-bumiputera-bersaiz>

Ekuinas labur RM100 juta dalam syarikat Bumiputera bersaiz sederhana



KUALA LUMPUR: Ekuiti Nasional Bhd (Ekuinas) menyasarkan untuk melabur antara ke lima hingga enam syarikat Bumiputera bersaiz sederhana membabitkan dana berjumlah RM100 juta.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata jumlah pelaburan kali ini adalah lebih kecil iaitu di antara RM10 juta hingga RM30 juta bagi setiap pelaburan.

Katanya, pelancaran DANA ASAS oleh Ekuinas itu adalah dorongan tepat pada masanya dalam usaha kerajaan beralih kepada model pertumbuhan berlandaskan inovasi, bergantung kepada keupayaan dalam mengenal pasti syarikat pertumbuhan tinggi.

"Syarikat-syarikat Bumiputera pertengahan pasaran yang akan dipilih oleh Ekuinas pasti berpotensi berdaya maju dari segi komersial dan kecemerlangan operasi.

"Suntikan strategik dari segi modal, kepakaran, dan jaringan kepada syarikat-syarikat ini akan merangsang kejayaan mereka.

"Apabila lebih ramai usahawan Malaysia menempa nama di pasaran nasional, serantau dan global, lebih ramai rakyat Malaysia yang kreatif dan berani akan berusaha untuk mencipta sesuatu yang berdaya maju secara komersial dan bernilai sosial," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melancarkan DANA ASAS di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi Ekuinas, Tan Sri Raja Arshad Uda dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir.

Sementara itu Syed Yasir berkata, pihaknya telah mengenal pasti dua, tiga syarikat berpotensi untuk Ekuinas melabur ke dalamnya.

"Kami sedang sedang mengadakan perbincangan dengan mereka dan syarikat ini ada yang terbabit dalam sektor runcit dan teknologi.

"Setakat ini, Eagle Cliffe (M) Sdn Bhd, pemilik rangkaian Kaiser Farmasi, dinamakan sebagai syarikat pertama yang akan menerima pelaburan sehingga RM20 juta di bawah DANA ASAS.

"Eagle Cliffe yang memulakan operasinya pada 2013 kini mempunyai rangkaian 19 buah cawangan Kaiser Farmasi disekitar Lembah Klang dan mempunyai pelan hala tuju untuk berkembang kepada 100 cawangan di seluruh Malaysia sepanjang tempoh pelaburan Ekuinas," katanya.

Beliau menambah, seperti yang dilakukan ke dalam semua syarikat portfolio, Ekuinas mengemudi pertumbuhan mampan serta menggariskan pelan penciptaan nilai yang agresif.

"Kami juga akan memberi tumpuan kepada pengukuhan asas perniagaan dan pembangunan kapasiti, demi meningkatkan daya saing mereka di dalam sektor dan industri dalam mana mereka beroperasi.

"Memandangkan syarikat tumpuan DANA ASAS secara relatifnya lebih kecil, kami akan memegang setiap pelaburan selama lima hingga tujuh tahun.

"Syarikat-syarikat yang bakal menjadi portfolio kami akan melihat transformasi yang agresif," katanya.

Dana itu terbuka kepada semua sektor kecuali pembinaan, hartanah, perjudian dan minuman keras.